

**PERBEZAAN ANTARA SIMPULAN BAHASA DAN KATA MAJMUK
DARI SEGI BENTUK DAN MAKNA**

ROBIAH BT YAACOB

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN

DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH

IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

FAKULTI BAHASA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2008

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

17 Januari 2008

.....
ROBIAH BT YAACOB

No. Pend: M 20021000816

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan kurnia-Nya dapat saya menyelesaikan kajian ilmiah ini sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi memperoleh Ijazah Sarjana Bahasa Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.

Kajian ini memberi peluang kepada saya untuk menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman melalui pembacaan, penelitian dan perbincangan. Justeru, saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan khusus kepada penyelia saya, Profesor Emeritus Dr. Abdullah Hassan dan Encik Idris Mohd. Radzi yang tidak jemu dalam memberi dorongan, bimbingan, pandangan yang membina dan telah banyak memberi tunjuk ajar, serta sudi menyemak dan membetulkan kesilapan yang terdapat dalam proses menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih juga saya rakamkan untuk MCP kerana melaluinya saya dapat memperoleh maklumat tentang simpulan bahasa yang terdapat dalam buku Sejarah Melayu.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada suami tersayang Mohd. Kamal, putera puteri tersayang iaitu Nur Diana, Amirul Fauzan, Nur Athirah Illyana, Nur Aliya Izzati dan Nur Adila Sofiya kerana memberi galakan dan perangsang untuk saya meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Tidak ketinggalan kepada teman-teman seperjuangan yang banyak memberi pandangan dan sokongan moral sehingga kajian ilmiah ini dapat disiapkan.

Akhir kata, saya mengharapkan kajian ilmiah ini dapat memberi sumbangan dan manfaat kepada para pendidik, pengkaji dan penyelidik yang berminat mengkaji tentang simpulan bahasa dan kata majmuk.

Sekian. Wassalam

Robiah bt Yaacob

Fakulti Bahasa

Program Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu

UPSI 2008

ABSTRAK

Bahasa Melayu kaya dengan simpulan bahasa yang digunakan bagi menggambarkan pelbagai perkara dan peristiwa. Penggunaan simpulan bahasa sebagai salah satu cara yang halus dalam memperkatakan sesuatu telah menjadikan bahasa Melayu sebagai satu bahasa yang unik dan indah. Setiap patah kata yang digunakan dalam simpulan bahasa mempunyai nilai estetika. Berbeza dengan penggunaan bahasa sehari-hari, pemilihan bentuk kata yang digunakan amat berkait rapat dengan alam pemikiran masyarakat Melayu. Kata majmuk masih hangat dibincangkan meskipun telah ramai penahu menulis mengenainya. Kajian ini cuba menghuraikan perbezaan simpulan bahasa dan kata majmuk dari segi bentuk dan makna. Sebanyak 52 perkataan daripada buku Sejarah Melayu yang dapat digolongkan sebagai simpulan bahasa dan kata majmuk diuji berdasarkan ciri-ciri ketidakbolehsisipan, ketidakbolehbalikan dan keanggotaan unsur yang tertutup. Hasil kajian jelas menunjukkan bahawa memang terdapat perbezaan antara simpulan bahasa dan kata majmuk berdasarkan bentuk dan maknanya.

ABSTRACT

Malay language has many ways in describing various things dan events. Idiom is one of the very fine ways to say something which make the Malay language unique and beautiful. Different from the common words used in daily communication, the word in idiomatic phares are very much related to the way of thinking among the Malay people. This dissertation distinguish between idioms in Malay and compound words by using criteria namely non-infusibility, non-reversibility as a test in determining idioms and compound words. This dissertation also explains the distinction between compound words with idioms.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
 BAB I: PENDAHULUAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Tujuan Kajian	7
1.3 Soalan Kajian	7
1.4 Kepentingan Kajian	7
1.4.1 Masyarakat	8
1.4.2 Penyelidik	9
1.4.3 Kementerian Pelajaran	9
1.4.4 Para Guru	10
1.4.5 Para Pelajar	10
1.4.6 Pengajaran Bahasa Melayu	11

1.5 Batasan Kajian	11
1.6 Definisi Istilah	12
1.6.1 Perbezaan	12
1.6.2 Simpulan Bahasa	13
1.6.3 Kata Majmuk	13
1.6.4 Bentuk	14
1.6.5 Makna	14
 BAB II: TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	15
2.2 Literatur Berkaitan	16
2.2.1 Kajian Dalam Negara	16
2.2.2 Kajian Luar Negara	30
 BAB III: METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	35
3.2 Reka Bentuk Kajian	35
3.3 Bahan Kajian	36
3.4 Prosedur Pengumpulan Data	36
3.5 Prosedur Penganalisisan Data	38

BAB IV: KEPUTUSAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	39
4.2	Dapatan Kajian	40
4.3	Ciri-ciri Simpulan Bahasa	42
4.4	Bentuk Simpulan Bahasa	44
4.4.1	Kata Dasar (KD) + Kata Dasar (KD)	45
4.4.2	Kata Berimbuhan (KB) + Kata Dasar (KD)	47
4.4.3	Kata Dasar (KD)	47
4.5	Kata Majmuk	51
4.6	Ciri-ciri Kata Majmuk	52
4.6.1	Binaan Kata Majmuk boleh Mematuhi Hukum DM	
	dan Sebaliknya	52
4.6.2	Binaan Endosentrik dan Eksosentrik	52
4.6.2.1	Kesatuan Kata Majmuk	53
4.7	Perbezaan Simpulan Bahasa dan Kata Majmuk dari Segi Bentuk	54
4.8	Perbezaan Simpulan Bahasa dan Kata majmuk dari Segi Makna	113
4.8.1	Makna Simpulan Bahasa	113
4.8.1.1	Makna Kiasan	115
4.8.1.2	Makna Literal	115
4.8.1.3	Makna Eufenisme	117
4.9	Makna Kata Majmuk	118
4. 10	Simpulan Bahasa Dalam Buku Teks Bahasa Melayu	119

4.11 Analisis Penggunaan Simpulan Bahasa dalam Buku Teks

Bahasa Melayu	124
---------------	-----

BAB V: RUMUSAN

5.1 Pengenalan	126
5.2 Kesimpulan	126
5.3 Perbincangan	127
5.4 Cadangan Lanjutan	129

RUJUKAN	130
---------	-----

LAMPIRAN

Cara Mengajar Simpulan Bahasa dan Kata Majmuk

Petikan Cerpen

Borang Penyeliaan Latihan Ilmiah

Surat Permohonan Menggunakan Kemudahan Perpustakaan

Bahan-bahan Bantu Belajar

Bahan-bahan Internet

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1 Peringkat Penyelidikan	37
Jadual 2 Pola Bentuk Simpulan Bahasa KD + KD	46
Jadual 3 Pola Bentuk Simpulan Bahasa KB + KD	47
Jadual 4 Pola Bentuk Simpulan Bahasa KD	47
Jadual 5 Pola Susunan Simpulan Bahasa	50
Jadual 6 Simpulan Bahasa Bermakna Kiasan	115
Jadual 7 Simpulan Bahasa Bermakna Literal	117
Jadual 8 Simpulan Bahasa Bermakna Eufenisme	118
Jadual 9 Makna Kata Majmuk	119
Jadual 10 Penggunaan Simpulan Bahasa dalam Buku Teks Bahasa Melayu Menengah Rendah	122
Jadual 11 Penggunaan Simpulan Bahasa dalam Buku Teks Bahasa Melayu Menengah Atas	123
Jadual 12 Analisis Penggunaan Simpulan Bahasa dalam Buku Teks Bahasa Melayu	124

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
Rajah 1.1 Pembahagian Peribahasa Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2004)	19
Rajah 1.2 Pembahagian Peribahasa Menurut Za'ba (2002)	22

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sejak zaman berzaman, manusia dari segenap bangsa memerhati alam dan tingkah laku ahli masyarakat yang mendukung sesuatu budaya, manusia mula meletakkan peraturan hidup yang mengekang pergerakan dan perlakuan ahli-ahli masyarakat tersebut. Bahasa berkias merupakan salah satu cara ahli masyarakat meluahkan, menyampaikan pesanan, teguran, pendidikan dan sindiran halus kepada individu yang hendak ditegurnya. Segala perilaku manusia dalam kehidupan seharian dan peristiwa yang berlaku diringkaskan dalam bentuk peribahasa. Ini kerana ungkapan peribahasa tersirat di dalamnya makna yang cukup mendalam untuk tujuan kelancaran komunikasi lisan dan tulisan.

Menurut Tarigan (1985: 156), adalah menjadi suatu kenyataan bahasa dan kebiasaan masyarakat Melayu banyak menggunakan peribahasa. Dengan sebuah peribahasa yang singkat dapat dikemukakan dengan sejitu-jitunya maksud yang

hendak disampaikan. Di dalam setiap peribahasa bukan hanya terkandung makna kamus tetapi juga makna kiasan, tidak hanya erti kata-kata tetapi juga erti kiasan yang merupakan garapan semantik. Apabila kita berbahasa, kita bukan sekadar mengungkapkan idea yang terkandung dalam fikiran, malah kita ingin menyembunyikan kebanyakan pemerhatian ke dalam pemikiran dan melalui bahasa kita menyampaikan semula perkara atau fenomena yang diperhatikan. Melalui pemerhatian terhadap alam sekitar, manusia pada zaman awal mula meletakkan kepentingan alam sebagai salah satu cara mendidik dan menyampaikan suatu teguran mahupun pengajaran menerusi bahasa. Terdapat banyak peribahasa yang memberikan makna dan boleh membentuk peribadi manusia, tunjangan yang bermula daripada masyarakat yang mungkin kecil kelompoknya akan menjadi aspirasi kepada satu bangsa dan negara.

Bertitik tolak daripada tuntutan kehidupan inilah maka peribahasa dicipta oleh manusia. Peribahasa Melayu lahir daripada sifat orang Melayu yang menganggap penyampaian mesej secara terus-terang dianggap kurang manis dan kurang sopan melainkan secara berselindung atau berkias. Kelahirannya adalah daripada rasa dan pengalaman hidup yang dilalui oleh masyarakat Melayu lama. Lebih tua bangsa itu, lebih banyak dan lebih klasik pulalah peribahasanya (Abdullah Hussain, 1989: vii).

Menurut Edward Djamaris (1985: 29-31), hampir setiap bangsa mempunyai bentuk-bentuk peribahasa sendiri dan peribahasa sesuatu bangsa itu mencerminkan watak bangsa tersebut. Peribahasa menjadi petunjuk kepada mereka untuk memiliki cara hidup yang baik. Peribahasa dapat juga memberi panduan mengenai sikap yang harus diikuti dan sikap yang wajar dihindari oleh mereka. Nilai-nilai murni yang

terdapat dalam peribahasa sesebuah masyarakat bukan sekadar berfungsi menyatupadukan ahli-ahli masyarakat tersebut, tetapi lebih daripada itu, bagi membentuk tamadun masyarakat itu dari satu zaman ke satu zaman yang lain. Peribahasa merupakan kalimat yang dalam dan luas maknanya kerana apabila menjelaskan maknanya, keterangan yang panjang lebar diperlukan. Secara ringkas peribahasa terbahagi kepada dua iaitu peribahasa khusus dan peribahasa universal. Peribahasa khusus ialah peribahasa yang menggambarkan sifat atau watak khusus golongan masyarakat atau bangsa manakala peribahasa universal bersifat umum untuk semua orang dan segala zaman serta dapat ditafsirkan yang sesuai dengan suasana dan situasi peribahasa itu digunakan.

Menurut Kamaluddin Mohammad (1988: 135), peribahasa ialah sejenis gaya percakapan atau ujaran yang berisi kebijaksanaan fikiran dan pemerhatian yang tersusun dalam bentuk yang ringkas, indah, sedap didengar dan benar pada perasaan dan fikiran. Setiap peribahasa itu sudah lama terbentuk dan dipakai dalam pergaulan umum dan menjadi kata-kata bandingan, teladan serta pengajaran.

Peribahasa juga ditakrifkan sebagai frasa dan ayat yang mempunyai susunan yang tepat dan mengandungi makna khusus. Peribahasa adalah istilah umum kepada bentuk-bentuk yang terkenal sebagai simpulan bahasa, perumpamaan, bidalan, pepatah dan perbandingan (Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, 1998: 1858). Peribahasa timbul bersama-sama masyarakat di mana-mana sahaja. Oleh sebab itulah, peribahasa mencerminkan corak fikiran, tindakan, kesukaan dan kebencian serta undang-undang adat resam. Banyak peribahasa yang memberikan makna dan boleh membentuk peribadi manusia. Di samping itu, peribahasa juga menjadi petunjuk

kepada mereka yang memiliki cara hidup yang baik dan memberi panduan mengenai sikap yang perlu diikuti.

“Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas” adalah ungkapan yang tepat untuk menggambarkan kedudukan peribahasa Melayu. Sebagai salah satu warisan bangsa Melayu yang unggul, peribahasa Melayu tetap dipertahankan dan digunakan dalam pelbagai kesempatan. Sebagai salah satu mutiara bangsa, peribahasa Melayu telah diterima umum sebagai salah satu sumber budaya yang dapat mengungkapkan falsafah yang mendalam, memperlihatkan bangsa Melayu sudah bertamadun dan bermaruah sejak berkurun-kurun (A. Samad Idris, 1990: ix).

Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2004), menyatakan peribahasa merupakan salah satu daripada cabang bahasa kiasan. Bahasa kiasan ialah ungkapan-ungkapan yang makna tidak boleh diketahui daripada makna perkataan itu sendiri ataupun daripada susunan tatabahasanya. Bahasa kiasan ini tergolong kepada dua jenis, iaitu peribahasa dan bukan peribahasa. Kiasan yang telah mantap dari segi bentuk bahasanya dan juga maknanya diistilahkan sebagai peribahasa, manakala kiasan yang tidak mantap bentuk dan maknanya diistilahkan bukan peribahasa. Beliau membahagikan peribahasa kepada simpulan bahasa, pepatah, bidalan dan perumpamaan. Menurut beliau lagi, simpulan bahasa ialah ungkapan yang berlainan sama sekali daripada makna asal perkataan-perkataan tersebut. Pepatah dan perbilangan ialah ungkapan-ungkapan yang berasal daripada pesaka adat resam dan makna ungkapan-ungkapan itu tidak berubah. Fungsi pepatah adalah sebagai pedoman hidup anggota masyarakat yang mengamalkan sesuatu adat resam dan memiliki ciri-ciri puisi tradisional Melayu. Selanjutnya, menurut beliau bidalan merupakan

peribahasa yang berbentuk nasihat yang biasanya menggunakan perkataan *jangan, jika dan jikalau* yang menunjukkan kata-kata nasihat, teguran, larangan serta suruhan. Perumpamaan pula merupakan perbandingan makna yang sangat jelas kerana didahului oleh perkataan *seolah-olah, ibarat, laksana, bagai dan umpama*.

Za'ba (2002: 170), mendefinisikan peribahasa sebagai “segala susunan cakap pendek yang telah melekat di mulut orang ramai sejak beberapa lama. Oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya, dipakai akan dia jadi sebut-sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan dan pengajaran”. Selain itu, beliau juga berpendapat bidalan, pepatah, perbilangan dan perumpamaan juga dikatakan peribahasa. Peribahasa dapat dikategorikan kepada dua, iaitu peribahasa yang bererti selapis, iaitu bidalan dan pepatah dan peribahasa dua lapis, iaitu perumpamaan. Za'ba juga meletakkan peribahasa Melayu setara dengan simpulan bahasa dan bahasa kiasan. Menurut Za'ba simpulan bahasa juga disebut ungkapan dan bererti rangkaian-rangkaian perkataan yang telah tetap dengan susunan khas dan maknanya berlainan daripada asalnya. Misalnya: Mat Jenin, jejak bara, terang-terang tanah merupakan rangkaian-rangkaian yang telah mantap perkataannya dan tidak boleh diubah-ubah dan mempunyai makna yang berbeza daripada erti perkataan itu sebenarnya.

Menurut Palmer (1976: 87), simpulan bahasa merupakan mutiara bangsa dan khazanah bahasa yang terdapat dalam bahasa Melayu. Simpulan bahasa sebagai bunga bahasa ada banyak cirinya yang tersendiri. Salah satu cirinya ialah makna yang tersimpul dalam deretan perkataannya. Walaupun peribahasa merupakan satu perkataan daripada segi makna tetapi simpulan bahasa tidak berfungsi sedemikian. Menurut Abdullah Hussain (1989: vii), simpulan bahasa ialah perkataan atau

kelompok perkataan yang tertentu untuk menyatakan sesuatu maksud lain daripada erti yang lazim.

Simpulan bahasa dapat dijadikan petunjuk serta panduan kepada golongan muda mahupun golongan tua. Pendapat dan pandangan yang diungkapkan dengan menggunakan ayat disusun dalam bentuk simpulan bahasa, ini menjadikannya lebih manis pada pendengaran bangsa Melayu yang tidak begitu gemar berterus-terang ketika berkomunikasi. Oleh itu, makna setiap leksem yang membentuk simpulan bahasa itu harus difahami. Di samping itu, kita bukan sahaja dapat meneka makna kiasan yang terdapat di dalamnya tetapi makna kesimpulan daripada simpulan bahasa tersebut. Seterusnya kita juga sepatutnya dapat mengasosiasikan dengan makna yang tersirat dan dapat membandingkan dengan kenyataan yang sebenarnya.

Dari segi status penggunaan semasa, peribahasa dan simpulan bahasa dalam bahasa Melayu sering digunakan dalam pelbagai wacana dan suasana. Berbanding dengan kategori-kategori peribahasa yang lain, kepenggunaan perumpamaan dan simpulan bahasa dalam kehidupan berbahasa di negara kita masih berkesinambungan kerana sifat peribahasa tersebut yang boleh disesuaikan. Di samping itu, melalui simpulan bahasa, kita dapat melihat bahasa yang digunakan itu memancarkan pemikiran, falsafah dan penglihatan dunia masyarakat yang melahirkan simpulan bahasa. Oleh itu, wajarlah simpulan bahasa diajarkan kepada pelajar-pelajar dengan cara yang berkesan kerana di sebalik bahasa yang indah itu terdapat makna yang tersirat. Seterusnya makna yang terkandung dalam simpulan bahasa dapat dihayati dan dapat membantu pembentukan nilai-nilai murni dalam kehidupan.

1.2 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

- 1.2.1 Mengkaji ciri-ciri simpulan bahasa.
- 1.2.2 Mengkaji ciri-ciri kata majmuk.
- 1.2.3 Mengkaji perbezaan antara simpulan bahasa dan kata majmuk dari segi bentuk.
- 1.2.4 Mengkaji perbezaan antara simpulan bahasa dan kata majmuk dari segi makna.

1.3 Soalan Kajian

Antara soalan kajian untuk kajian ini ialah:

- 1.3.1 Apakah ciri-ciri simpulan bahasa?
- 1.3.2 Apakah ciri-ciri kata majmuk?
- 1.3.3 Apakah perbezaan antara simpulan bahasa dan kata majmuk dari segi bentuk?
- 1.3.4 Apakah perbezaan antara simpulan bahasa dan kata majmuk dari segi makna?

1.4 Kepentingan Kajian

Simpulan bahasa merupakan salah satu unsur kekayaan sesuatu bahasa dan bangsa kerana ungkapan dalam simpulan bahasa tersirat di dalamnya makna yang cukup mendalam lagi persis untuk tujuan kelancaran komunikasi lisan dan tulisan. Oleh itu, apabila bercakap tentang simpulan bahasa dalam penggunaannya, antara kesedaran yang patut ditimbulkan ialah penggunaan simpulan bahasa itu mempunyai objektif yang tersendiri bagi membolehkan orang yang mendengarnya atau membacanya tidak

mudah tersinggung serta mempunyai impak yang besar ke atas pemikiran serta perasaan mereka.

Di samping itu, simpulan bahasa juga mengandungi makna yang halus dan berupaya mencerminkan watak sesuatu bangsa. Oleh itu, penggunaan simpulan bahasa secara menyeluruh dalam kalangan masyarakat perlu diberi perhatian agar simpulan bahasa terus berkembang. Kepentingan kajian tentang perbezaan simpulan bahasa dan kata majmuk yang dikaji oleh pengkaji ini dapat dilihat kepada golongan-golongan berikut:

1.4.1 Masyarakat

Masyarakat boleh menggunakan simpulan bahasa dalam kehidupan mereka bersesuaian dengan makna dan penggunaanya dan dapat membezakan ciri-ciri simpulan bahasa dengan ciri-ciri kata majmuk. Keperibadian seseorang dapat dilihat melalui ucapan yang diungkapkan. Ini disebabkan kata-kata yang digunakan ketika berinteraksi amat penting dan mesti diberi perhatian agar tidak menyinggung perasaan orang lain. Keperibadian seseorang dapat dilihat melalui ucapan yang diungkapkan. Setiap patah perkataan yang diucapkan itu perlu diteliti maknanya kerana peribahasa yang menyatakan “*kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa*” menjelaskan bahawa kata-kata yang digunakan ketika berkomunikasi perlu diberi perhatian agar tidak dikatakan biadap. Peribahasa yang mengandungi makna yang halus dapat mencerminkan ketinggian darjat sesuatu bangsa. Oleh sebab peribahasa merupakan variasi bahasa yang mempunyai makna yang tersirat, maka penggunaanya

secara menyeluruh dalam kalangan masyarakat perlu diberi perhatian yang wajar agar terus berkembang dengan suburnya pada masa-masa akan datang.

1.4.2 Penyelidik

Penyelidik dapat mengetahui ciri-ciri simpulan bahasa dan perbezaan simpulan bahasa dengan kata majmuk dari segi bentuk dan makna. Di samping itu, pengkaji juga dapat mengetahui penggunaan simpulan bahasa dan kata majmuk dalam buku *Sejarah Melayu*. Selain itu, pengkaji juga dapat mengetahui cara-cara mengajar simpulan bahasa dan kata majmuk yang berkesan kepada pelajar-pelajar.

1.4.3 Kementerian Pelajaran

Melalui kajian yang dijalankan ini, penekanan yang khusus tentang kedudukan serta kepentingan simpulan bahasa dan kata majmuk dalam konteks pendidikan, khususnya pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat diberi perhatian. Rahman Shaari (1993: 88), berpendapat bahawa aspek peribahasa harus dianggap sebagai sama pentingnya dengan aspek-aspek lain dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Rasional ini kerana peribahasa hidup dan berkembang bersama-sama bahasa berkenaan secara keseluruhannya.

Oleh itu, Kementerian Pelajaran dapat memuatkan simpulan-simpulan bahasa yang maknanya dapat memberi motivasi kepada pelajar-pelajar. Secara tidak langsung, warisan budaya Melayu yang “*tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas*” dapat diperkembangkan dan dipertahankan. Oleh hal yang demikian, simpulan bahasa harus diberi perhatian yang sewajarnya dalam pendidikan bahasa Melayu agar para

pelajar yang berada di sekolah pada hari ini akan menjadi pengguna bahasa Melayu yang trampil. Ketrampilan mereka berbahasa diukur daripada kemampuan mereka menguasai kecekapan berbahasa dan ketepatan dalam berkomunikasi melalui penggunaan bunga-bunga bahasa yang bersifat warisan serta ungkapan baru yang bersifat sezaman.

1.4.4 Para Guru

Melalui kajian ini, guru-guru dapat menggunakan simpulan bahasa yang sesuai untuk membentuk peribadi pelajar dan juga mengetahui cara mengajar simpulan bahasa dan kata majmuk dengan berkesan. Ini disebabkan, dari segi pelaksanaannya pengajaran simpulan bahasa dan kata majmuk dalam bahasa Melayu menimbulkan kesukaran kepada para pelajar untuk menggunakannya dengan berkesan. Keadaan ini berlaku kerana pengajaran simpulan dan kata majmuk sering dianggap sebagai satu aspek yang berasingan dan jarang digabungkan dengan teliti dengan aspek kemahiran bahasa yang lain. Di samping itu, para guru juga dapat mengenal pasti perbezaan simpulan bahasa dan kata majmuk dan seterusnya dapat menggunakan simpulan bahasa dan kata majmuk yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran.

1.4.5 Para Pelajar

Pelajar-pelajar dapat mengetahui ciri-ciri simpulan bahasa dan ciri-ciri kata majmuk. Seterusnya, pelajar juga mengetahui perbezaan simpulan bahasa dan kata majmuk dari segi bentuk dan makna. Oleh itu, para pelajar dapat menggunakan simpulan bahasa dan kata majmuk dengan tepat. Justeru, dapat meningkatkan tahap kemahiran

berbahasa dalam kalangan pelajar, iaitu pelajar mampu menghasilkan gaya penggunaannya yang berkualiti. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas dalam konteks aktiviti penulisan.

1.4.6 Kepentingan Kepada Pengajaran Bahasa Melayu

Dapat meningkatkan kemahiran berbahasa, iaitu menghasilkan penggunaan bahasa yang berkualiti oleh pelajar sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan. Dapat menarik minat pelajar-pelajar untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran kerana simpulan bahasa adalah warisan yang perlu dipertahankan oleh generasi masa kini. Di samping itu, dapat mewujudkan kesedaran serta keyakinan bahawa simpulan bahasa adalah sebagai satu aspek keindahan bahasa. Para pelajar terdorong untuk menikmati dan menggunakannya secara meluas dalam situasi tulisan serta lisan secara formal atau informal. Selanjutnya para pelajar dapat juga membezakan simpulan bahasa dan kata majmuk berdasarkan makna dan bentuk. Ini membolehkan pengajaran simpulan bahasa dan kata majmuk dapat dilakukan dengan berkesan.

1.5 Batasan Kajian

Pengkaji membataskan kajian ini kepada perbezaan simpulan bahasa dan kata majmuk dari segi bentuk dan makna. Kajian ini ditumpukan kepada lima puluh dua perkataan yang terpilih sahaja. Bagi mengenal pasti perbezaan antara simpulan bahasa dan kata majmuk dari segi bentuk dan makna ini, pengkaji mengkaji perkataan yang boleh digolongkan sebagai simpulan bahasa dan kata majmuk yang terdapat dalam buku Sejarah Melayu. Buku ini dijadikan sumber untuk kajian ini kerana bahasa yang

digunakan dalam buku ini ada unsur-unsur keaslian bahasa Melayu. Asmah Hj. Omar (2001), menyatakan bahasa Sejarah Melayu adalah bahasa kesusasteraan tinggi, iaitu bahasa yang indah yang dihasilkan dengan menjalinkan unsur-unsur bahasa yang ada dalam irama yang harmonis yang pada masa yang sama menimbulkan gambaran yang jelas pada persepsi pembaca. Pengkaji seterusnya menyenaraikan simpulan bahasa dan kata majmuk yang terdapat dalam buku ini dan membandingkan simpulan bahasa dan kata majmuk ini dari segi bentuk dan makna.

Pengkajian tentang perbezaan antara simpulan bahasa dan kata majmuk dari segi bentuk dan makna ini dilakukan kerana terdapat kekeliruan dalam mengenal pasti perbezaan simpulan bahasa dan kata majmuk.

1.6 Definisi Istilah

Definisi istilah untuk menghuraikan perkataan-perkataan tersebut adalah seperti berikut:

1.6.1 Perbezaan

Mengikut Kamus Linguistik (1997:41), perbezaan bermaksud perbandingan antara dua bahasa. Dalam morfologi, fonologi dan sintaksis, fitur yang berlawanan antara unit-unit distingtif. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa perbezaan adalah sifat yang tidak sama antara satu daripada yang lain.

1.6.2 Simpulan Bahasa

Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2004), menyatakan simpulan bahasa ialah ungkapan yang biasanya terdiri daripada dua atau tiga perkataan dan mempunyai makna yang berlainan sama sekali daripada makna asal perkataan-perkataan tersebut.

Menurut Palmer (1976: 87), simpulan bahasa merupakan mutiara bahasa dan khazanah bahasa yang terdapat dalam bahasa Melayu. Simpulan bahasa sebagai bunga bahasa ada banyak cirinya yang tersendiri. Salah satu cirinya ialah makna yang tersimpul dalam deretan perkataannya. Manakala menurut Abdullah Hussain (1989: vii), simpulan bahasa ialah perkataan atau kelompok perkataan yang tertentu untuk menyatakan sesuatu maksud lain daripada erti yang lazim.

Seterusnya menurut Za'ba (2002: 157), simpulan bahasa bererti rangkaian-rangkaian perkataan yang telah tetap tersimpul atau terbeku dengan susunan yang khas dan dipakai dengan erti yang khas berlainan daripada asalnya. Berdasarkan definisi yang telah dikemukakan oleh pengkaji bahasa, maka bolehlah dirumuskan bahawa simpulan bahasa merupakan rangkaian-rangkaian kata yang mempunyai makna yang tersendiri daripada erti yang lazimnya.

1.6.3 Kata Majmuk

Menurut Abdullah Hassan (2002: 101), kata majmuk ialah dua perkataan yang bertabiat sebagai satu perkataan. Dalam Tatabahasa Dewan (1996: 73), kata majmuk ialah rangkaian dua kata dasar atau lebih dan bentuk yang terhasil membawa makna yang tertentu. Kata majmuk dieja terpisah dan bertindak sebagai satu unit, iaitu bentuknya tidak boleh menerima sebarang penyisipan unsur lain.